

D.R. 37/2019

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Racun 1952.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

- 1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Racun (Pindaan) 2019.
(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Pindaan tajuk panjang

- 2.** Akta Racun 1952 [*Akta 366*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam tajuk panjang dengan memasukkan selepas perkataan “use of poisons” perkataan “, and psychoactive plants, and the planting and cultivation of psychoactive plants”.

Pindaan tajuk ringkas

3. Subseksyen 1(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Poisons” perkataan “and Psychoactive Plants”.

Sebutan mengenai Akta Racun 1952

4. Segala sebutan mengenai Akta Racun 1952 dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta Racun dan Tumbuhan Psikoaktif 1952.

Pindaan seksyen 2

5. Subseksyen 2(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan takrif “animal treatment” dengan takrif yang berikut:

‘ “animal treatment” includes the investigation, examination or treatment of animal ailments;’;

(b) dengan memasukkan selepas takrif “animal treatment” takrif yang berikut:

‘ “authorized officer” means—

(a) a Drug Enforcement Officer under this Act;

(b) a police officer not below the rank of Inspector; or

(c) a senior officer of customs as defined under the Customs Act 1967 [Act 235];’;

(c) dengan menggantikan takrif “dental treatment” dengan takrif yang berikut:

‘ “dental treatment” includes the investigation, examination or treatment of human ailments of the teeth or the oral or maxillo-facial complex or its related structures or the performance of operations or the giving of treatment commonly undertaken or given by those practising dentistry;’;

(d) dengan menggantikan takrif “dispensed medicine” dengan takrif yang berikut:

‘ “dispensed medicine” means a medicine supplied by—

(a) a registered medical practitioner, registered dentist or registered veterinary surgeon under and in accordance with section 19; or

(b) a registered pharmacist at or from a premises where a licensed pharmacist is licensed to retail poisons, for the purpose of the medical, dental or animal treatment, of a particular individual;’;

(e) dengan memasukkan selepas takrif “Drug Enforcement Officer” takrif yang berikut:

‘ “electronic” means the technology of utilizing electrical, optical, magnetic, electromagnetic, biometric, photonic or other similar technology;

“electronic message” means an information generated, sent, received or stored by electronic means;’;

(f) dalam takrif ‘ “a Group A Poison” “a Group B Poison” “a Group C Poison” “a Group D Poison” “a Group E Poison” and “a Group F Poison” ’—

(i) dengan menggantikan perkataan ‘ “a Group D Poison” “a Group E Poison” and “a Group F Poison” ’ dengan perkataan ‘ and “a Group D Poison” ’; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “, Group D, Group E or Group F” dengan perkataan “or Group D”;

(g) dengan memasukkan selepas takrif ‘ “a Group A Poison” “a Group B Poison” “a Group C Poison” and “a Group D Poison” ’ takrif yang berikut:

‘ “kratom” includes kratom plant or any part thereof from which mitragynine can be extracted either directly or by chemical transformation;’;

- (h) dengan memotong takrif “licensed retailer”;
- (i) dengan memotong takrif “listed seller”;
- (j) dengan menggantikan takrif “medical treatment” dengan takrif yang berikut:
 - ‘ “medical treatment” includes the investigation, examination or treatment of human ailments;’;
- (k) dalam takrif “Part I Poison”, dengan menggantikan perkataan “, Group D, Group E or Group F” dengan perkataan “or Group D”;
- (l) dengan memasukkan selepas takrif “premises” takrif yang berikut:
 - ‘ “Principal Director” means the head of the pharmaceutical services in the Ministry of Health;
 - “psychoactive plant” means any of the plants specified in the Fourth Schedule;
 - “psychotropic substance” means any of the substances specified in the Third Schedule;’;
- (m) dengan memasukkan selepas takrif “registered pharmacist” takrif yang berikut:
 - ‘ “registered veterinary surgeon” means a veterinary surgeon registered under the Veterinary Surgeons Act 1974 [Act 147];’;
- (n) dengan memotong takrif “veterinary officer”; dan
- (o) dalam takrif “wholesale”, dengan menggantikan perkataan “(j)” dengan perkataan “(k)”.

Pindaan seksyen 3

6. Seksyen 3 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (1)(f)(vii), dengan menggantikan perkataan “Association” dengan perkataan “Society”; dan
- (b) dalam subseksyen (4), dalam proviso, dengan menggantikan perkataan “(1)(g)” dengan perkataan “(1)(f)”.

Seksyen baharu 4A

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4 seksyen yang berikut:

“Resolution without meeting

4A. (1) Subject to subsection (2), the Board may, where necessary, pass a resolution without meeting.

(2) Where the Board wishes to pass a resolution without meeting, the Board shall comply with the following conditions:

(a) all members of the Board have been informed of the proposed resolution, or reasonable efforts have been made to inform all members of the Board of the proposed resolution; and

(b) all members of the Board indicate agreement with the resolution in accordance with the method determined by the Board under subsection (3).

(3) Subsection (2) applies only if the Board decides—

(a) that the subsection applies; and

(b) the method by which members of the Board are to indicate agreement with the resolution.”.

Pindaan seksyen 7

8. Seksyen 7 Akta ibu dipinda dalam perenggan (3)(b) dengan memasukkan selepas perkataan “human” perkataan “or animal”.

Pindaan seksyen 15

9. Seksyen 15 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (2)—

- (i) dalam perenggan (f), dengan menggantikan perkataan “veterinary surgeon” dengan perkataan “registered veterinary surgeon”;
- (ii) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (j) dengan koma bernoktah; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (j), perenggan yang berikut:
“(k) a person who requires the poison for the purpose of enabling him to comply with any requirement made by, or in pursuance of, any written law with respect to the medical treatment of persons employed by that person in any business or trade carried out by that person.”;

(b) dalam subseksyen (3)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “book” dengan perkataan “register”; dan
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “book” dengan perkataan “register”;

(c) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “book” dengan perkataan “register”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (7) subseksyen yang berikut:

“(8) Any person referred to in paragraphs 15(2)(a), (c), (d), (e), (f), (g) and (k) who purchases any poison from a wholesaler other than a licensed wholesaler shall be guilty of an offence against this Act.”.

Pindaan seksyen 16

10. Seksyen 16 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “except by” perkataan “a registered pharmacist or”;

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “on” dengan perkataan “at or from”;

(c) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “of” perkataan “the registered pharmacist or”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Every licensed pharmacist shall keep records of a registered pharmacist engaged or employed in a premises where the licensed pharmacist is licensed to retail poisons in accordance with any regulations made under this Act.”.

Pindaan seksyen 17

11. Subseksyen 17(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “medical” perkataan “or dental”.

Pindaan seksyen 18

12. Seksyen 18 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “sale” perkataan “or supply”; dan
- (b) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:
 - “(b) by retail sale effected by a registered pharmacist at or from a premises where a licensed pharmacist is licensed to retail poisons; or”;
 - (ii) dalam perenggan (c), dengan memasukkan selepas perkataan “registered dentist or” perkataan “registered”.

Pindaan seksyen 19

13. Seksyen 19 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(c), dengan menggantikan perkataan “veterinary officer” dengan perkataan “registered veterinary surgeon”;
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:
 - “(2A) Notwithstanding subsections (1) and (2), a registered medical practitioner, registered dentist or registered veterinary surgeon shall, upon request from his patient or client, issue a prescription for the sale or supply of such poison for the purpose of medical or dental treatment of such patient or animal treatment of animal tended by him, respectively.
 - “(2B) Prescription issued under subsection (2A) shall be in accordance with subsection 21(2) or subsection 21(2A) of this Act.”;

(c) dalam subseksyen (3)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “practitioner” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “registered medical practitioner”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “dentist” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “registered dentist”; dan
- (iii) dengan menggantikan perkataan “veterinary officer” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “registered veterinary surgeon”;

(d) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Any registered medical practitioner, registered dentist or registered veterinary surgeon who—

- (a) sells or supplies any poison or medicine containing a poison not prepared by him or under his immediate personal supervision; or
- (b) decline to issue a prescription upon request by his patient or client under subsection (2A),

shall be guilty of an offence against this Act.”.

Pindaan seksyen 21

14. Seksyen 21 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1)(b), dengan menggantikan perkataan “veterinary officer” dengan perkataan “registered veterinary surgeon”;

(b) dalam perenggan (1)(c)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “licensed pharmacist” dengan perkataan “registered pharmacist”;

- (ii) dengan menggantikan perkataan “veterinary officer” dengan perkataan “registered veterinary surgeon”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perkataan “subsection (2)” perkataan “or subsection (2A),”;
- (c) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “Every” dengan perkataan “Except as otherwise provided in subsection (2A), every”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “registered veterinary officer” dengan perkataan “registered veterinary surgeon”;
 - (iii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “address” dengan perkataan “name and address”; dan
 - (iv) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “veterinary officer” dengan perkataan “registered veterinary surgeon”;
- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“Electronic prescription

(2A) When a prescription is prescribed through electronic means, every prescription for any Group B Poison prescribed by a registered medical practitioner, registered dentist or registered veterinary surgeon shall—

- (a) be created and dated in electronic form;
- (b) be signed with a digital signature;

(c) be sent to a registered pharmacist as an electronic message; and

(d) contain information as in paragraphs (2)(b), (c), (d) and (e).

(2B) In this section “digital signature” means a signature that is made in accordance with the Digital Signature Act 1997 [Act 562].”;

(e) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“ (4) Every person selling or supplying any Group B Poison on a prescription shall, at the time of selling or supplying the same, endorse or mark the prescription in a manner so as to permanently attach to the prescription, his name and address and the date on which such poison was sold or supplied.”; dan

(f) dalam subseksyen (6)—

(i) dengan menggantikan perkataan “prescription book” dengan perkataan “Prescription Book”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “medical practitioner” dengan perkataan “registered medical practitioner”.

Pindaan seksyen 23

15. Seksyen 23 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1)(b), dengan menggantikan perkataan “licensed” dengan perkataan “registered”;

(b) dalam perenggan (2)(a), dengan menggantikan perkataan “book” dengan perkataan “register”; dan

(c) dalam perenggan (2)(b), dengan menggantikan perkataan “book” dengan perkataan “register”.

Pindaan seksyen 24

16. Seksyen 24 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“**Prescription Book**”; dan

- (b) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “book” dengan perkataan “register”;
- (ii) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “book” dengan perkataan “register”;
- (iii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “veterinary officer” dengan perkataan “registered veterinary surgeon”; dan
- (iv) dalam proviso, dengan menggantikan perkataan “prescription book” dengan perkataan “Prescription Book”.

Pindaan seksyen 26

17. Seksyen 26 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Director of Pharmaceutical Services” dengan perkataan “Principal Director”;

- (b) dalam subseksyen (2), dengan memotong perenggan (c); dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

“(7) Any person who contravenes any term or condition of any licence issued under this section shall be guilty of an offence against this Act.”

Seksyen baharu 26A

18. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 26 seksyen yang berikut:

“Directives”

26A. (1) The Director General of Health may issue such directives, not inconsistent with the provisions of this Act, as he thinks necessary or expedient for the proper implementation of section 26 of this Act.

(2) A person issued with the directives under this section shall comply with such directives.

(3) Any person who fails to comply with the directives issued by the Director General of Health under subsection (1) commits an offence against this Act.”.

Pemotongan seksyen 28

19. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 28.

Pindaan seksyen 30

20. Seksyen 30 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memotong subseksyen (1) dan (2); dan

(b) dalam subseksyen (5)—

(i) dengan menggantikan perkataan “ten” dengan perkataan “one hundred”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “four” dengan perkataan “five”.

Seksyen baharu 30A, 30B, 30C dan 30D

21. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 30 seksyen yang berikut:

“Control of planting or cultivation of psychoactive plants

30A. (1) No person shall plant or cultivate any psychoactive plant.

(2) Any person who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding seven years or to both.

Possession, import, export, etc., of psychoactive plants

30B. (1) No person shall possess, import, export, compound, mix, sell, supply or use any psychoactive plant otherwise than in accordance with any regulations made under this Act.

(2) Any person who is found to have in his custody or under his control any psychoactive plant shall be deemed to have been in possession of the plant and to have known the nature of the plant, until he proves to the contrary.

(3) Any person who contravenes this section or any regulations made under this Act relating to psychoactive plants shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding seven years or to both.

Authorization from the Minister for the planting or cultivation of psychoactive plant for research etc.

30C. (1) Notwithstanding anything in this Act, the Minister may authorize any public officer or officer in any statutory body to plant or cultivate any psychoactive plants, in places and on such terms and conditions as may be specified in such authorization for research, educational, experimental or medical purposes.

(2) Any person issued with the authorization in subsection (1) shall comply with such terms and conditions as may be specified in such authorization.

Power to amend Third and Fourth Schedules

30D. The Minister may, from time to time, after consultation with the Poisons Board, by order published in the *Gazette* amend the Third and Fourth Schedules.”.

Pindaan seksyen 31

22. Seksyen 31 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota buku dengan nota buku yang berikut:

“**Authorization of Drug Enforcement Officer**”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) In exercising any of the powers of a Drug Enforcement Officer under this Act, a Drug Enforcement Officer shall on demand produce to the person against whom he is acting the authorization referred to in subsection (1).”; dan

(c) dengan memotong subseksyen (3), (4), (5), (6), (7), (8), (9) dan (10).

Seksyen baharu 31A, 31B, 31C, 31D, 31E dan 31F

23. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 31 seksyen yang berikut:

“Powers of enforcement, inspection and investigation

31A. An authorized officer shall have all the powers of a police officer of whatever rank as provided for under the Criminal Procedure Code [Act 593] in relation to enforcement,

inspection and investigation, and such powers shall be in addition to the powers provided for under this Act and not in derogation thereof.

Search and seizure

31B. (1) In this section, “premises” includes—

- (a) any land, building or part of any building;
- (b) any place whether open or enclosed;
- (c) any conveyance;
- (d) any installation on land, offshore installation or other installation whether on the bed of or floating on any water; and
- (e) any structure movable or immovable.

(2) When an authorized officer has reasonable cause to believe that an offence under this Act or any regulations made under this Act has been or is being committed in any premises or in connection with any business carried on in any premises, the authorized officer may at any reasonable time by day or by night and with or without assistance—

- (a) enter the premises and if need be by force;
- (b) search the premises for, and to seize or remove from the premises any poison, psychotropic substance, psychoactive plant, receptacle, package, conveyance, machinery, contrivance, equipment, book, register, record, document, computerized data or other article that is reasonably believed to furnish evidence of the commission of such offence;
- (c) inspect or require any person to produce for the purpose of inspection—
 - (i) any substance reasonably believed to be or to contain any poison, psychotropic substance or psychoactive plant;

- (ii) any plant reasonably believed to be a psychoactive plant;
- (iii) conveyance, machinery, contrivance, equipment, book, register, record, document, computerized data or other article,

which in his opinion may furnish evidence of the commission of an offence under this Act or any regulations made under this Act;

- (d) take samples of any poison, psychotropic substance or psychoactive plant found in the premises for the purpose of ascertaining, by testing or otherwise, whether any offence under this Act or any regulations made under this Act has been committed; or
- (e) make copies of or take extracts from any book, register, record, document, computerized data or other article found in the premises.

(3) An authorized officer entering any premises under this section may take with him any other person and equipment as may appear to him to be necessary.

(4) The owner, occupier or any person who has control of such premises or who is present at such premises, shall permit every authorized officer and any other person referred to in subsection (3) to have access to the premises for the purposes specified in this section and shall supply to the authorized officer all such information as may be requested by the authorized officer, and shall afford the authorized officer such assistance as may be reasonably necessary for such purposes.

(5) An authorized officer may, in the exercise of his powers under this section, if it is necessary so to do—

- (a) break open any outer or inner door of the premises or any fence, enclosure, gate or other obstruction to the premises, in order to effect entry into the premises;

- (b) remove by force any obstruction to entry, search, seizure or removal as he is empowered to effect under this section; and
 - (c) detain any person found in the premises until the search has been completed.
- (6) Where, by reason of its nature, size or amount, it is not practicable to remove any poison, psychotropic substance, psychoactive plant, receptacle, package, conveyance, machinery, contrivance, equipment, book, register, record, document, computerized data or other article seized under this section, the authorized officer shall, by any means, seal such poison, psychotropic substance, psychoactive plant, receptacle, package, conveyance, machinery, contrivance, equipment, book, register, record, document, computerized data or other article in the premises or container in which it is found.
- (7) A person who, without lawful authority, breaks, tampers with or damages the seal referred to in subsection (6) or removes the poison, psychotropic substance, psychoactive plant, receptacle, package, conveyance, machinery, contrivance, equipment, book, register, record, document, computerized data or other article under seal or attempts to do so shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.
- (8) Any person who—
- (a) obstructs or impedes an authorized officer in the performance of his duties under this Act or any regulations made under this Act;
 - (b) refuses or neglects to comply with any requisition made in pursuance of this section; or
 - (c) gives or supplies any false or misleading statement or information to an authorized officer,

shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

Power to access premises and land

31c. (1) An authorized officer shall have access to any premises or land for the purpose of—

- (a) inspecting any substance reasonably believed to be or to contain any poison or any psychotropic substance, psychoactive plant, receptacle, package, conveyance, machinery, contrivance, equipment, book, register, record, document, computerized data or other article as he considers necessary;
 - (b) verifying the accuracy of any book, register, record, document, computerized data, statement or any information given to an authorized officer, and make copies of or take extracts from such book, register, record, document, computerized data or statement found in the premises or land; or
 - (c) collecting samples of any substance reasonably believed to be or to contain any poison, psychotropic substance or psychoactive plant found in the premises or land.
- (2) For the purpose of this section, an authorized officer may without payment, demand, select, take or collect samples of any substance reasonably believed to be or to contain any poison, psychotropic substance or psychoactive plant from any person, or such person's agent or servant importing, exporting, manufacturing, selling, supplying, planting, cultivating, using or having possession of such substance or plant.

Power to require information and documents

31d. (1) An authorized officer, in carrying out an investigation under this Act, may make an order by a written notice under subsection (2), if he has reason to believe that a person—

- (a) has any information or any document that is relevant to the performance of the authorized officer's powers and functions under this Act; or
- (b) is capable of giving any evidence which the authorized officer has reason to believe is relevant to the performance of the authorized officer's powers and functions under this Act.

- (2) The order made by an authorized officer under subsection (1) may direct the person—
- (a) to provide any information to the authorized officer, within the period and in the manner and form specified in the notice;
 - (b) to produce any document to the authorized officer, within the period and in the manner specified in the notice, whether in physical form or in electronic form;
 - (c) to make copies of any document, or extracts from any document and to produce copies or extracts of such documents, as the case may be, to the authorized officer within the period and in the manner specified in the notice;
 - (d) if the person is an individual, to appear before the authorized officer at a time and place specified in the notice to give any information, either orally or in writing, and produce such document, whether in physical form or in electronic form;
 - (e) if the person is a body corporate, to cause and authorize a relevant and competent officer of the body corporate to appear before the authorized officer at a time and place specified in the notice to give any information, either orally or in writing, and produce such document, whether in physical form or in electronic form;
 - (f) if the person is a partnership, to cause an individual who is a partner in the partnership or an employee of the partnership to appear before the authorized officer at a time and place specified in the notice to give any information, either orally or in writing, and produce such document, whether in physical form or in electronic form; or
 - (g) to make a statement to the authorized officer providing an explanation of any information or document within the period and in the manner and form specified in the notice.

(3) Where the authorized officer directs any person to produce any document under subsection (2) and the person is not in custody of the document, that person shall—

- (a) state, to the best of his knowledge and belief, where the document may be found; and
- (b) identify, to the best of his knowledge and belief, the person who has custody of the document or the last person who had custody of the document, as the case may be, and state, to the best of his knowledge and belief, where the person may be found.

(4) Any person directed to provide information or document under subsection (2) shall—

- (a) provide the required information or document within such time as specified in the notice or such extended time as the authorized officer may grant; and
- (b) ensure that the information or document provided is true, accurate and complete and such person shall provide an express representation to that effect, including a declaration that he is not aware of any other information or document which would make the information or document provided untrue or misleading.

(5) Any person who fails to comply with the order made by the authorized officer under subsection (1) commits an offence.

Access to recorded information, computerized data, etc.

31E. (1) Any authorized officer exercising his powers under this Act shall be given access to any recorded information, or computerized data, whether stored in a computer or otherwise.

(2) In exercising his powers, the authorized officer may—

- (a) inspect and check the operation of any computer and any associated apparatus or material which the authorized officer has reasonable cause to suspect is or has been used in connection with that information or data;

(b) require the person—

- (i) whom the authorized officer has reasonable cause to suspect is using or to have used the computer in connection with that information or data;
- (ii) whom the authorized officer has reasonable cause to suspect that the computer is used or has been used, on behalf of the person, in connection with that information or data; or
- (iii) having charge of, or is otherwise concerned with, the operation of the computer, apparatus or material,

to provide him with such reasonable assistance as he may require for the purposes of this section.

(3) The authorized officer may make copies of or take extracts from the recorded information or computerized data, if he deems it necessary.

(4) For the purposes of this section, “access” includes being provided with the necessary password, encryption code, decryption code, software or hardware and any other means required to enable comprehension of the recorded information or computerized data.

No cost or damages arising from entry, search or seizure to be recoverable

31F. No person shall, in respect of any entry or search, or seizure of any poison, psychotropic substance, psychoactive plant or other substances, or seizure of any receptacle, package, conveyance, machinery, contrivance, equipment, book, register, record, document, computerized data or other articles, seized or surrendered in the exercise or the purported exercise of any power conferred under this Act, be entitled to recover the costs of such entry, search, or seizure or to claim any damages or other relief unless such entry, search, or seizure was made without reasonable cause.”.

Pindaan seksyen 32

24. Seksyen 32 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “book” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “register”;
- (b) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “three” dengan perkataan “fifty”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “one year” dengan perkataan “five years”; dan
 - (iii) dalam proviso—
 - (A) dengan menggantikan perkataan “five” dengan perkataan “two hundred”; dan
 - (B) dengan menggantikan perkataan “two” dengan perkataan “ten”; dan
- (c) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “Director General of Health” dengan perkataan “Licensing Officer”.

Seksyen baharu 32A

25. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 32 seksyen yang berikut:

“Compounding of offences

32A. (1) The Minister may, with the approval of the Public Prosecutor, make regulations prescribing—

- (a) any offence under this Act or any regulations made under this Act as an offence which may be compounded;

- (b) the criteria for compounding such offence; and
- (c) the method and procedure for compounding such offence.

(2) The Director General of Health or any Drug Enforcement Officer appointed by the Director General of Health may, with the written consent of the Public Prosecutor, compound any offence committed by any person under this Act and any regulations made under this Act and prescribed as an offence which may be compounded by making a written offer to the person suspected of committing the offence to compound the offence on payment to the Director General of Health of an amount of money not exceeding fifty per cent of the amount of the maximum fine for that offence within the time specified in the offer.

(3) An offer under subsection (2) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted.

(4) If the amount specified in the offer is not paid within the time specified in the offer or such extended time as the Director General of Health may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against the person to whom the offer was made.

(5) Where an offence has been compounded under this section—

- (a) no prosecution shall be instituted in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made; and
- (b) any substance, goods or article seized in connection with the offence, shall be forfeited, destroyed or released by the Director General of Health subject to such terms and conditions as may be imposed.”.

Pindaan seksyen 33

26. Seksyen 33 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “a Sessions Court in the State of Sabah or Sarawak” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “a Sessions Court or a Court of a First Class Magistrate in the State of Sabah or Sarawak”.

Seksyen baharu 34A, 34B dan 34C

27. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 34 seksyen yang berikut:

“Protection against suits and legal proceedings

34A. No action shall lie or prosecution shall be brought, instituted or maintained in any court against—

- (a) any Licensing Officer, authorized officer or member of the Poisons Board for any act done by him; or
- (b) any other person for any act done by him under the order, direction or instruction of the Licensing Officer, authorized officer or the Posions Board,

if the act was done in good faith and in the reasonable belief that it was necessary for the carrying into effect the provisions of this Act or its regulations.

Evidence of *agent provocateur* is admissible

34B. Notwithstanding any written law or rule of law to the contrary, in any proceedings against any person for an offence under this Act or its regulations—

- (a) no *agent provocateur*, whether he is an authorized officer or not, shall be presumed to be an accomplice or be unworthy of credit as a witness by reason only of his having attempted to commit or to abet, or having abetted or having been engaged in a criminal conspiracy to commit, such offence if the main purpose of such attempt, abetment or engagement was to secure evidence against such person;

- (b) any statement whether oral or in writing made to an *agent provocateur* by any person shall be admissible in evidence at his trial; and
- (c) a conviction for any offence under this Act or its regulations solely on the uncorroborated evidence of any *agent provocateur* shall not be illegal and no such conviction shall be set aside merely because the court which tried the case has failed to refer in the grounds of its judgment to the need to warn itself against the danger of convicting on such evidence.

Electronic transaction

34C. (1) Where a written order under section 15 or 23 is in the form of an electronic message, the requirement of the Act is fulfilled if it is obtained, forwarded, served, sent, delivered, received or retained in accordance with the Electronic Commerce Act 2006 [Act 658] and any other requirements as may be prescribed under this Act.

(2) Where any provision under this Act requires a signature of a person on a document, otherwise than on a prescription, the requirement of the Act is fulfilled, if the document is in the form of an electronic message containing a signature in accordance with the Electronic Commerce Act 2006.”.

Pindaan seksyen 35

28. Seksyen 35 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (1)—

(a) dalam perenggan (c)—

- (i) dalam subperenggan (i), dengan memasukkan selepas perkataan “licensed” perkataan “or authorized”; dan
- (ii) dalam subperenggan (ii), dengan memasukkan selepas perkataan “sale” perkataan “or supply”;

(b) dengan menggantikan perenggan (h) dengan perenggan yang berikut:

“(h) prescribing the manner in which any register, book, prescription, written order and any other documents including documents in electronic form, should be kept and maintained and the period for which such register, book, prescription, written order and any other documents required to be kept for the purposes of this Act are to be preserved;”;

(c) dalam perenggan (k), dengan memasukkan selepas perkataan “from” perkataan “any of the provision or”,

(d) dalam perenggan (l), dengan memasukkan selepas perkataan “registers” perkataan “, books, prescriptions, written orders”;

(e) dalam perenggan (t), dengan memasukkan selepas perkataan “purchase” perkataan “, administration”;

(f) dalam perenggan (u), dengan memasukkan selepas perkataan “substances” perkataan “or psychoactive plants”;

(g) dengan menggantikan perenggan (v) dengan perenggan yang berikut:

“(v) prescribing the mode or the manner of disposal and sampling of poisons, psychotropic substances or psychoactive plants;”;

(h) dengan memasukkan selepas perenggan (v) perenggan yang berikut:

“(w) prohibiting, controlling or restricting the planting, cultivation, importation, exportation, compounding, mixing, selling, supplying, possessing or using of any psychoactive plants;

(x) prescribing the records to be kept by a licensed pharmacist including records of attendance and roster of a registered pharmacist employed or engaged in a premises where a licensed pharmacist is licensed to retail poisons.”.

Pindaan Jadual Ketiga

29. Jadual Ketiga kepada Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “[Section 30]” dengan perkataan “[Section 2]”.

Jadual Keempat baharu

30. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Ketiga jadual yang berikut:

“FOURTH SCHEDULE

[Section 2]

PSYCHOACTIVE PLANT

Kratom”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Racun 1952 (“Akta 366”) bagi memperluas skop Akta 366 untuk memasukkan kawalan penanaman, perladangan, pengimportan, pengeksportan, penyebatan, pencampuran, penjualan, pembekalan, pemilikan atau penggunaan apa-apa tumbuhan psikoaktif. Rang Undang-Undang ini juga bertujuan untuk meningkatkan beberapa penalti dalam Akta 366 yang berhubungan dengan penggunaan racun dan bahan psikotropik. Ciri penting lain Rang Undang-Undang yang dicadangkan ini adalah untuk memberi fleksibiliti dalam pengendalian racun dengan membenarkan penggunaan dokumen dalam bentuk elektronik dan penjualan racun secara runcit oleh ahli farmasi berdaftar di atau dari premis yang seseorang ahli farmasi berlesen adalah dileSENKEN untuk menjual racun secara runcit atau di atau dari premis yang dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan di bawah Akta 366.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan termasuk kuasa untuk menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* dan *3* bertujuan untuk meminda tajuk panjang dan tajuk ringkas, masing-masing, Akta 366 bagi menggambarkan perluasan skop Akta 366.

4. *Fasal 4* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa semua sebutan mengenai Akta Racun 1952 dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah, apabila Akta yang dicadangkan mula berkuat kuasa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta Racun dan Tumbuhan Psikoaktif 1952.
5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 366 untuk memasukkan takrif baharu dan meminda takrif sedia ada berkaitan dengan istilah tertentu yang digunakan dalam Akta 366.
6. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 4A ke dalam Akta 366 yang membolehkan ketetapan diluluskan tanpa mesyuarat tertakluk kepada syarat tertentu.
7. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda perenggan 7(3)(b) Akta 366 untuk mengecualikan seseorang yang bekerja di mana-mana hospital atau institusi lain yang mana penyakit haiwan dirawat daripada pemakaian Akta 366 jika penjualan atau pembekalan itu dibuat dalam penjalanan tugasnya untuk kegunaan dalam wad, bilik bedah atau bahagian lainnya.
8. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 366 untuk membolehkan pemberong berlesen untuk menjual racun kepada seseorang yang memerlukan racun itu bagi maksud pematuhan kepada mana-mana undang-undang bertulis bagi rawatan perubatan pekerjanya dalam mana-mana perniagaan atau perdagangan.
9. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 366 untuk membenarkan penjualan apa-apa racun secara runcit oleh ahli farmasi berdaftar di atau dari premis yang dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan di bawah Akta 366, dan untuk memasukkan subseksyen (4A) yang baharu untuk membolehkan ahli farmasi berlesen menyimpan rekod ahli farmasi berdaftar yang bertugas atau bekerja di premis yang ahli farmasi berlesen itu dilesenkan untuk menjual racun secara runcit.
10. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda subseksyen 17(1) Akta 366 untuk membenarkan mana-mana racun dijual atau dibekal kepada mana-mana orang yang berumur kurang daripada lapan belas tahun untuk tujuan rawatan pergigian.
11. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda perenggan 18(1)(b) Akta 366 bagi memperuntukkan bahawa penjualan atau pembekalan Racun Bahagian I secara runcit boleh dilakukan oleh ahli farmasi berdaftar di atau dari premis yang ahli farmasi berlesen dilesenkan untuk menjual racun secara runcit.
12. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 19 Akta 366 untuk menghendaki pengamal perubatan berdaftar, doktor pergigian berdaftar atau doktor haiwan berdaftar untuk mengeluarkan preskripsi bagi penjualan atau pembekalan racun untuk tujuan rawatan perubatan atau rawatan pergigian atas permintaan pesakit atau pelanggannya, dan kegagalan untuk berbuat demikian adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta 366.

13. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 366 untuk memperkatakan kehendak yang dikenakan ke atas preskripsi elektronik termasuklah kehendak bagi tandatangan digital dilakukan mengikut Akta Tandatangan Digital 1997 [Akta 562].
14. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda subseksyen 23(1) Akta 366 untuk memperuntukkan bahawa Racun Kumpulan D boleh dibekalkan atau dijual secara runcit oleh ahli farmasi berdaftar.
15. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 24 Akta 366 sebagai pindaan berbangkit daripada pemasukan istilah baharu “doktor haiwan berdaftar”.
16. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda seksyen 26 Akta 366 untuk memansuhkan pengeluaran lesen Jenis C kepada penjual yang disenaraikan untuk menjual secara runcit dan menyimpan Racun Kumpulan F memandangkan lesen itu tidak lagi dikeluarkan untuk tempoh masa yang panjang dan tidak lagi digunakan. *Fasal* ini juga bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang melanggar mana-mana terma atau syarat mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Akta 366.
17. *Fasal 18* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 26A ke dalam Akta 366 untuk memberi Ketua Pengarah Kesihatan kuasa untuk mengeluarkan arahan, sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat olehnya bagi pelaksanaan Akta 366.
18. *Fasal 19* bertujuan untuk memotong seksyen 28 yang menghendaki senarai tahunan semua orang yang dilesenkan di bawah Akta 366 disiarkan memandangkan di bawah seksyen 27 seorang Pegawai Pelesenan untuk setiap Negeri dikehendaki untuk menyimpan daftar lesen yang dikeluarkan di bawah Akta 366.
19. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda seksyen 30 Akta 366 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan yang berhubungan dengan pengimportan, pengeksportan, pembuatan, sebatian, campuran, pendispesian, penjualan, pembekalan, pemberian, pemilikan atau penggunaan mana-mana bahan psikotropik tidak mengikut mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 366 daripada denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya kepada denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.
20. *Fasal 21* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 30A, 30B, 30C dan 30D ke dalam Akta 366.

Seksyen baharu 30A yang dicadangkan bertujuan untuk mengawal penanaman dan perladangan tanaman psikoaktif dan untuk mengenakan denda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau pemenjaraan untuk tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Seksyen baharu 30B yang dicadangkan bertujuan untuk mengawal pemilikan, pengimportan, pengeksportan, penyebatian, pencampuran, penjualan, pembekalan atau penggunaan tumbuhan psikoaktif. Seksyen baharu 30B yang dicadangkan juga bertujuan untuk memperuntukkan anggapan berkaitan dengan pemilikan tumbuhan psikoaktif.

Seksyen baharu 30C yang dicadangkan bertujuan memberi Menteri kuasa untuk memberi kuasa kepada pegawai awam atau pegawai dalam mana-mana badan berkanun untuk menanam atau mengusahakan tumbuhan psikoaktif bagi tujuan tertentu.

Seksyen baharu 30D yang dicadangkan memberi Menteri kuasa untuk meminda Jadual Ketiga dan Keempat Akta 366 melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

21. *Fasal* 22 bertujuan untuk meminda seksyen 31 Akta 366 untuk mengkehendaki Pegawai Penguatkuasa Dadah mengemukakan pemberian kuasa yang diberikan kepadanya secara bertulis oleh Pegawai Pelesenan, jika diminta oleh orang yang terhadapnya kuasa Pegawai Penguatkuasa Dadah itu digunakan.

22. *Fasal* 23 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 31A, 31B, 31C, 31D, 31E dan 31F ke dalam Akta 366.

Seksyen baharu 31A yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa pegawai diberi kuasa yang berhubungan dengan penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan.

Seksyen baharu 31B yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan kuasa pegawai diberi kuasa untuk menggeledah premis dan menyita apa-apa bahan, tumbuhan dan artikel yang disyaki telah melanggar Akta 366.

Seksyen baharu 31C yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa pegawai diberi kuasa untuk memasuki premis atau tanah pada bila-bila masa bagi maksud memastikan pematuhan Akta 366.

Seksyen baharu 31D yang dicadangkan bertujuan untuk mengenakan obligasi ke atas mana-mana orang yang dikehendaki oleh pegawai diberi kuasa untuk memberikan maklumat atau dokumen.

Seksyen baharu 31E yang dicadangkan bertujuan untuk memberi kuasa kepada pegawai diberi kuasa untuk mengakses apa-apa maklumat yang direkodkan dan data berkomputer.

Seksyen baharu 31F yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan peruntukan bahawa tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada kemasukan, penggeledahan atau penyitaan boleh didapatkan kembali melainkan jika kemasukan, penggeledahan atau penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

23. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 32 Akta 366 untuk meningkatkan penalti am yang diperuntukkan di bawah seksyen ini daripada denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau pemerjaraan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya kepada denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau pemerjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Pindaan ini juga bertujuan untuk meningkatkan penalti bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang berhubungan dengan kemungkiran sengaja atau kecuaian salah, yang membahayakan atau berkemungkinan membahayakan nyawa manusia, daripada denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau pemerjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya kepada denda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau pemerjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

24. *Fasal 25* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 32A ke dalam Akta 366 untuk memberi Ketua Pengarah Kesihatan kuasa atau mana-mana Pegawai Penguatkuasa Dadah yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kesihatan kuasa selepas mendapatkan keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya, untuk mengkompaun mana-mana kesalahan yang ditetapkan oleh Menteri, dengan persetujuan Pendakwa Raya, sebagai kesalahan yang boleh dikompaun di bawah Akta 366. *Fasal* ini menyatakan tatacara pengkompaunan kesalahan itu.

25. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda seksyen 33 Akta 366 untuk memperuntukkan bahawa Majistret Kelas Pertama di Negeri Sabah atau Sarawak hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan dan menentukan semua pendakwaan di bawah Akta 366.

26. *Fasal 27* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 34A, 34B dan 34C ke dalam Akta 366.

Seksyen baharu 34A bertujuan untuk melindungi mana-mana Pegawai Pelesenan, pegawai diberi kuasa, ahli Lembaga Racun atau mana-mana orang lain yang bertindak atas arahan Pegawai Pelesenan, pegawai diberi kuasa atau Lembaga Racun daripada apa-apa tindakan atau pendakwaan bagi apa-apa tindakan yang telah dilakukan olehnya jika tindakan itu dibuat dengan suci hati.

Seksyen baharu 34B bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi keterangan *agent provocateur*.

Seksyen baharu 34C bertujuan memperuntukkan bahawa perintah bertulis di bawah seksyen 15 atau 23 dalam bentuk mesej elektronik yang dihasilkan berdasarkan Akta Perdagangan Elektronik 2006 [Akta 658] dan mematuhi kehendak yang ditetapkan di bawah Akta 366 hendaklah memuaskan kehendak Akta 366 berkenaan dengan mesej elektronik.

27. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda seksyen 35 Akta 366 mengenai kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

28. *Fasal 30* bertujuan untuk memasukkan Jadual Keempat baharu ke dalam Akta 366 yang memperkatakan mengenai tumbuhan psikoaktif.
29. Pindaan lain yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3063]